


# RM12 juta geran padanan tingkat R&D kejuruteraan, sains, teknologi

Oleh [Ahmad Suhael Adnan](#) - Oktober 29, 2021 @ 6:04pm

[ahmad.suhael@bh.com.my](mailto:ahmad.suhael@bh.com.my)



Sejumlah RM12 juta disediakan dalam Bajet 2022 dalam bentuk geran padanan untuk meningkatkan penyelidikan dalam bidang fokus tertentu berkaitan kejuruteraan, sains dan teknologi. - NSTP/ARKIB

KUALA LUMPUR: Sejumlah RM12 juta disediakan dalam Bajet 2022 dalam bentuk geran padanan untuk meningkatkan penyelidikan dalam bidang fokus tertentu berkaitan kejuruteraan, sains dan teknologi.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata geran padanan itu akan disalurkan menerusi Penyelidikan Usaha Sama dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi.

Katanya, antara bidang fokus yang disasarkan seperti 'gallium nitride' yang diaplikasikan dalam diod pancaran cahaya (LED) dan kenderaan elektrik.

"Bidang fokus penyelidikan dan pembangunan (R&D) ini disyorkan oleh Encik Tan daripada Clarion Malaysia semasa sesi dialog saya bersama-sama tokoh industri elektrikal dan elektronik sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Bajet 2022 di Dewan Rakyat, hari ini.